

Bil. S 35

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Bab 83)

PERINTAH DARURAT (UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM), 1988

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Universiti Brunei Darussalam), 1988, dan akan berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan melalui pemberitahuan di dalam *Warta Kerajaan* oleh Menteri Pelajaran.

Gelaran dan
Permulaan
Kuatkuasa.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain :

Tafsiran.

“hari yang ditetapkan” bermakna tarikh yang ditetapkan di bawah bab 1 ;

“Perlembagaan” bermakna perlembagaan Universiti yang terkandung di dalam Jadual kepada Perintah ini;

“Peraturan” dan “statut” masing-masing mempunyai makna yang sama di dalam Perlembagaan ;

“Universiti” bermakna Universiti Brunei Darussalam yang ditubuhkan dan diperbadankan oleh Perintah ini.

3. Peruntukan-peruntukan Perlembagaan hendaklah berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa undang-undang pada hari yang ditetapkan.

Perlembagaan
Universiti.

4. (1) Universiti hendaklah mengadakan dan menyenggara suatu pejabat dalam Negara Brunei Darussalam dan pejabat itu hendaklah menjadi alamat bagi penyampaian segala jenis notis dan perhubungan bertulis lain.

Alamat
pejabat bagi
penyampaian.

(2) Segala notis dan perhubungan bertulis lain hendaklah, jika ditinggalkan di pejabat yang diadakan dan disenggarā di bawah ceraian (1), dianggap sebagai telah disampaikan atau diserahkan dengan sempurnanya kepada Universiti atau pegawai atau pihak berkuasa kepada siapa segala notis dan perhubungan bertulis itu mungkin telah dialamatkan.

5. Universiti hendaklah menyimpan di pejabat yang disebutkan di dalam bab 4 satu salinan tiap-tiap statut, peraturan atau dokumen lain semasa yang dikehendaki disiarkan di bawah Perintah ini atau Perlembagaan, dan salinan itu hendaklah sentiasa boleh didapati pada setiap masa yang munasabah untuk diperiksa oleh orang awam dan jika mana-mana buku atau salinan dokumen

Salinan-
salinan statut,
dsb. hendak-
lah disimpan
di Pejabat
Universiti.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dikehendaki di bawah Perintah ini atau Perlembagaan supaya dapat dibeli oleh orang awam, maka buku atau salinan itu hendaklah sentiasa ada untuk dibeli di pejabat itu atau di sesuatu tempat lain di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang difikirkan patut oleh Universiti.

Wang bantuan
dan akaun
Universiti.

6. (1) Menteri Kewangan hendaklah menyebabkan supaya dibayar kepada Universiti wang sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sebagai wang bantuan kepada Universiti.

(2) Semua wang yang dibayar kepada Universiti di bawah ceraian (1) hendaklah digunakan atau dibelanjakan oleh Universiti bagi semua atau apa-apa maksud Universiti mengikut anggaran yang diluluskan di bawah Bahagian V dari Perlembagaan.

(3) Satu salinan akaun Universiti bagi setiap tahun kewangan apabila disediakan dan diaudit menurut Perlembagaan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas sempurna diaudit, dihantar kepada Menteri Kewangan.

Pengambilan
tanah bagi
maksud-
maksud
Universiti.

7. (1) Jika mana-mana harta tak alih, yang bukan tanah Kerajaan, diperlukan bagi maksud-maksud Universiti, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda memikirkan patut, menitahkan pengambilan harta itu dan dalam hal sedemikian harta itu boleh diambil menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam dan sebarang pengisyiharan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa harta itu adalah diperlukan, bolehlah dibuat biarpun pampasan kena dibayar daripada tabung kewangan Universiti, dan pengisyiharan itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu pengisyiharan bahawa tanah itu adalah diperlukan bagi suatu maksud awam yang dibuat menurut undang-undang bertulis itu.

(2) Perbelanjaan dan pampasan bagi mana-mana harta tak alih yang diambil di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar oleh Universiti atau dari wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Universiti bagi maksud tersebut.

(3) Semua tanah Kerajaan yang diberikan atau harta tak alih yang diambil di bawah ceraian ini hendaklah dijadikan hak milik Universiti dan suatu catatan bagi maksud itu hendaklah dibuat di dalam daftar yang berkenaan oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan.

Aturan-
Aturan.

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat aturan-aturan secara am bagi maksud-maksud Perintah ini dan boleh dalam aturan-aturan itu —

<p>(1) mengadakan peruntukan bagi Universiti untuk mentadbir mana-mana amanah;</p> <p>(2) mengecualikan dari syarat-syarat bab 3 dari Akta Setem mana-mana suratcara yang menyatakan telah dibuat di bawah syarat bab 42 dari Perlembagaan; dan</p> <p>(3) secara am mengadakan peruntukan-peruntukan sebagaimana yang mungkin perlu disebabkan oleh penubuhan Universiti.</p>	Pengecualian dari cukai harta pusaka.
9. Tiada apa-apa cukai harta pusaka kena dibayar berkaitan dengan jumlah sebarang pemberian harta pusaka kepada Universiti, dan nilai harta yang berpindah ketika matinya seseorang itu hendaklah dianggap sebagai tidak termasuk jumlah pemberian harta pusaka itu bagi maksud menetapkan kadar cukai harta pusaka.	
10. Universiti hendaklah dianggap sebagai sebuah institusi jariah bagi maksud-maksud perenggan (f) ceraian (1) dari bab 10 Akta Cukai Pendapatan.	Derma-derma kepada Universiti dikecualikan dari cukai pendapatan.
11. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang bertentangan di dalam Akta Persekutuan-Persekutuan, peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah mempunyai kuatkuasa berhubung dengan Persatuan Mahasiswa-Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, badan-badan utamanya dan badan-badan pelajar lain serta Gild Siswazah yang ditubuhkan menurut perlembagaan.	Pengenaan Akta Persekutuan-Persekutuan ke atas badan-badan pelajar Peng. 66
(2) Menteri yang berkenaan boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam <i>Warta Kerajaan</i> mengecualikan Persatuan Mahasiswa-Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam dan mana-mana badan utamanya atau mana-mana badan pelajar yang lain atau Gild Siswazah daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta Persekutuan-Persekutuan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan di dalam Perintah itu.	
12. Apa jua yang dilakukan atau mana-mana perlantikan yang dibuat untuk dan bagi pihak Universiti sebelum hari yang ditetapkan hendaklah, pada dan selepas hari yang ditetapkan itu, dianggap sebagai dibuat untuk, oleh atau bagi pihak Universiti yang ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Perintah ini.	Penguatkuasaan tindakan-tindakan yang dibuat sebelum diperbuatnya Perlembagaan.
13. Peruntukan-peruntukan peralihan di dalam Perlembagaan hendaklah berkuatkuasa.	Peruntukan-peruntukan peralihan.
14. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh meminda, mengubah atau menambah peruntukan-peruntukan Perlembagaan atau mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan itu.	Pengecualian perubahan atau penambahan kepada Perlembagaan.

JADUAL

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

- Gelaran. 1. Perlembagaan ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam.
- Tafsiran. 2. (1) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —
- "Bendahari" bermakna Bendahari Universiti ;
- "Fakulti" bermakna sesebuah Fakulti yang ditubuhkan di bawah bab 18 ;
- "Gild Siswazah" bermakna persatuan yang ditubuhkan di bawah bab 23 ;
- "guru" bermakna seseorang yang dilantik sebagai guru oleh Majlis menurut Perlembagaan ini dan termasuk profesor, profesor madya, pensyarah kanan, pensyarah atau penolong pensyarah ;
- "hari yang ditetapkan" bermakna tarikh bila mana Perintah Darurat (Universiti Brunei Darussalam), berjalan kuatkuasanya ;
- "Konvokesyen" bermakna Konvokesyen yang diadakan menurut bab 52 ;
- "jawatan mahaguru" bermakna jawatan profesor ;
- "Majlis" bermakna Majlis Universiti yang ditubuhkan menurut bab 15 ;
- "pegawai utama" bermakna Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan Fakulti, Ketua Pusat atau Sekolah, Pendaftar dan Setiausaha, Ketua Pegawai Perpustakaan, Bendahari atau pemegang apa jua jawatan yang diwujudkan oleh statut dan diberikan taraf sedemikian.
- "Pendaftar dan Setiausaha" bermakna Pendaftar dan Setiausaha Universiti ;
- "Perintah" bermakna Perintah Darurat (Universiti Brunei Darussalam), 1988 ;
- "pihak berkuasa" bermakna mana-mana pihak berkuasa Universiti yang disebut di dalam bab 14 dan termasuk mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh statut ;
- "peraturan" bermakna mana-mana peraturan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut ;

"Senat" bermakna Senat Universiti yang ditubuhkan menurut bab 17;

"statut" bermakna apa jua statut yang dibuat menurut perlembagaan ini;

"Universiti" bermakna Universiti Brunei Darussalam;

"*Warta Kerajaan*" bermakna Warta Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

"yayasan" bermakna Fakulti, Pusat atau Sekolah atau badan lain yang ditubuhkan di bawah bab 18;

(2) Sebutan-sebutan di dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu bab adalah sebutan-sebutan mengenai sesuatu bab bagi Perlembagaan ini.

(3) Dalam Perlembagaan ini atau mana-mana statut, atau peraturan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, perkataan-perkataan yang membawa maksud bilangan tunggal sahaja hendaklah termasuk bilangan jamak dan sebaliknya, dan perkataan-perkataan yang membawa maksud jantina lelaki sahaja hendaklah termasuk jantina perempuan.

BAHAGIAN I

UNIVERSITI

3. Adalah dengan ini ditubuhkan, menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, sebuah Universiti dengan nama dan gelaran Universiti Brunei Darussalam dengan nama dan gelaran yang mana Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, dan ahli-ahli Majlis dan Senat pada masa itu adalah dengan ini ditubuhkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang berkekalan, dan dengan kuasa penuh di bawah nama itu —

Penubuhan Universiti sebagai pertubuhan perbadanan.

- (a) untuk mempunyai dan menggunakan suatu meterai dan dari semasa ke semasa memecah, menukar, mengubah dan membuat baharu meterai-meterai itu sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (b) bagi maksud-maksud Perlembagaan ini dan tertakluk kepada statut-statut dan peraturan-peraturan, untuk membeli apa jua harta, harta alih atau harta tak alih, dan mengambil, menerima dan memegang mana-mana harta tersebut yang mungkin menjadi terletak hak padanya oleh sebab pembelian itu, atau dengan sebarang pertukaran, pemberian, derma, pajakan pemberian berwasiat atau dengan cara lain;

- (c) untuk menjual, menggadai janji, memajakkan, menukar atau dengan cara lain melepaskan mana-mana harta itu ; dan
- (d) untuk menjalankan dan melaksanakan, menurut peruntukan-peruntukan dari Perlembagaan ini dan dari statut-statut dan peraturan-peraturan, segala kuasa dan kewajipan yang diberikan kepada atau ditanggungkan ke atas Universiti oleh peruntukan itu.

Kuasa-kuasa
Universiti.

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, Universiti hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang berikut —

- (a) menyediakan kursus-kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat persediaan untuk penyelidikan, dan mengambil langkah-langkah lain sebagaimana yang nampaknya perlu atau dikehendaki bagi kemajuan dan penyebaran ilmu ;
- (b) menganugerahkan ijazah dan diploma termasuk ijazah-ijazah dan diploma-diploma luar kepada orang-orang yang telah mengikuti kursus-kursus pengajaran yang diluluskan oleh Universiti dan telah memenuhi kehendak-kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh statut atau peraturan ;
- (c) mengiktiraf ijazah-ijazah dan diploma-diploma dari yayasan-yayasan pengajaran tinggi yang lain bagi maksud penerimaan masuk ke dalam kursus-kursus dan peperiksaan-peperiksaan Universiti dan juga penganugerahan ijazah-ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang-pemegang ijazah atau diploma itu atau kepada siswazah-siswazah Universiti dengan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh statut atau peraturan ;
- (d) menganugerahkan ijazah kepada guru-guru Universiti yang telah memenuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh statut atau peraturan ;
- (e) menganugerahkan ijazah-ijazah kehormat kepada orang-orang yang telah memberi sumbangan kepada kemajuan atau penyebaran ilmu atau yang telah berbuat jasa cemerlang kepada awam ;
- (f) memberikan sijil kepada orang-orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana-mana cabang atau cabang-cabang ilmu ;

- (g) mewujudkan jawatan-jawatan mahaguru, jawatan-jawatan pensyarah dan jawatan-jawatan lain, dan membuat lantikan-lantikan kepada jawatan-jawatan itu ;
- (h) menubuhkan suatu percetakan Universiti dan menerbitkan buku-buku dan bahan-bahan yang lain ;
- (i) membina, melengkapi dan menyelenggarakan perpustakaan, makmal, muzium, dewan-dewan kuliah, bangunan-bangunan tempat kediaman dan segala bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud-maksud Universiti ;
- (j) mengadakan dan mengurniakan fellowship, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran-gelaran, penghormatan-penghormatan, anugerah-anugerah lain dan bentuk-bentuk bantuan lain bagi kemajuan dan penyebaran ilmu ;
- (k) melabur dalam harta tanah atau sekuriti (sama ada yang dibenarkan sebagai pelaburan-pelaburan amanah atau tidak) wang-wang sebagaimana yang mungkin terletak hak kepadanya bagi maksud dermakekal, sama ada bagi maksud-maksud am atau khas, atau wang-wang lain sebagaimana yang mungkin tidak dikehendaki segera bagi perbelanjaan semasa, dengan mempunyai kuasa dari semasa ke semasa untuk mengubah mana-mana pelaburan dan menyimpan mana-mana wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank sama ada dalam simpanan tetap atau akaun semasa ;
- (l) mengikat kontrak, melantik kakitangan dan menubuhkan amanah-amanah sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi maksud-maksud Universiti ;
- (m) melantik, menaikkan pangkat dan menguatkuasakan tata tertib ke atas pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan Universiti ;
- (n) membuat peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Universiti, termasuk skim-skim perkhidmatan, tanggagaji, cuti dan tata tertib ;
- (o) membuat peraturan dan menyediakan tempat tinggal bagi pegawai-pegawai, guru-guru kakitangan dan pelajar-pelajar Universiti dan bagi kebajikan dan tata tertib guru-guru kakitangan dan pelajar-pelajar ;
- (p) menuntut dan menerima bayaran-bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis ; dan

(q) melakukan segala perbuatan dan perkara, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa-kuasa yang tersebut di atas, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebijakan dan tata tertib di Universiti.

(2) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuas hati bahawa adalah perlu untuk mengurniakan suatu ijazah kehormat kepada seseorang pembesar luar negeri, maka atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Universiti hendaklah mengurniakan ijazah itu sebagaimana yang dinyatakan dalam titah perkenan itu.

Penerimaan
masuk pelajar-
pelajar atau
perlantikan
kakitangan.

5. Universiti hendaklah mematuhi perintah-perintah sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin berikan berhubung dengan penerimaan masuk pelajar-pelajar atau perlantikan kakitangan Universiti dan perintah-perintah tersebut boleh meliputi sebilangan tempat dan jawatan di Universiti dikhaskan sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia mungkin memikirkan patut untuk orang-orang yang merupakan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah bab 4 dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei.

Meterai
Universiti.

6. (1) Meterai Universiti adalah meterai yang diluluskan oleh Majlis, dan meterai tersebut boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru dengan cara yang sama.

(2) Meterai Universiti hendaklah disimpan dalam jagaan Bendahari.

(3) Meterai Universiti tidak boleh dicapkan pada mana-mana suratcara selain daripada ijazah, diploma atau sijil Universiti kecuali di hadapan Naib Canselor dan seorang lagi ahli Majlis yang akan menandatangani suratcara itu sebagai tanda menunjukkan meterai itu dicapkan di hadapan mereka ; dan tandatangan itu adalah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan wajar dan bahawa meterai itu adalah meterai Universiti yang sah.

(4) Meterai Universiti hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

(5) Apa jua dokumen atau suratcara yang (jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan) tidak memerlukan dimeterai boleh disempurnakan dengan cara demikian itu bagi pihak Universiti oleh seseorang pegawai atau sesiapa jua yang pada umumnya atau khususnya diberikuasa bagi tujuan itu oleh Majlis.

BAHAGIAN II
PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI

7. (1) Hendaklah ada seorang Canselor siapa hendaklah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Canselor.

(2) Canselor hendaklah menjadi Ketua Universiti dan hendaklah menjalankan tugas-tugas yang berikut —

- (a) mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis dan mana-mana Konvokesyen Universiti apabila berangkat hadir ;
- (b) menerima laporan tahunan mengenai Universiti dari Naib Canselor ;
- (c) menerima laporan-laporan khas sebagaimana yang dihadapkan oleh Majlis ; dan
- (d) menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan.

8. (1) Canselor boleh melantik orang-orang sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai Pro-Canselor. Pro-Canselor.

(2) Jika oleh kerana sesuatu sebab Canselor tidak dapat menjalankan mana-mana daripada tugasnya di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan, ia boleh memberi kuasa kepada mana-mana Pro-Canselor untuk menjalankan tugas-tugas itu bagi pihaknya.

(3) Tiap-tiap Pro-Canselor hendaklah memegang jawatan selama yang disukai oleh Canselor.

9. (1) Hendaklah ada seorang Naib Canselor siapa hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Naib Canselor.

(2) Naib Canselor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan akademik bagi Universiti.

(3) Adalah menjadi kewajipan Naib Canselor :

- (a) untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan dari Perlembagaan ini dan dari statut-statut dan peraturan-peraturan dipatuhi, dan ia hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang mungkin perlu bagi maksud ini dan, khususnya, untuk memastikan bahawa tiap-tiap pihak berkuasa atau jawatankuasa sentiasa bertindak dalam lingkungan bidang kuasa atau tugasnya ; dan

- (b) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, untuk menjalankan pengawasan am ke atas semua susunan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tataatertib di Universiti, dan menjalankan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang diberi kepadanya oleh Perlembagaan ini dan mana-mana statut atau peraturan.

(4) Tempoh jawatan dan syarat-syarat perkhidmatan lain bagi Naib Canselor hendaklah ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, setelah berunding dengan Majlis dan Universiti hendaklah terikat kepadanya.

(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan, Naib Canselor hendaklah menjadi pengurus *ex-officio* bagi tiap-tiap pihak berkuasa Universiti.

Timbalan
Naib Canselor.

10. (1) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan mana-mana orang yang layak dan patut bolehlah dilantik sedemikian sama ada dari dalam atau luar Universiti; tempoh jawatan dan syarat-syarat lain perkhidmatan seseorang Timbalan Naib Canselor hendaklah ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, setelah berunding dengan Majlis, dan Universiti hendaklah terikat kepadanya.

(2) Tugas-tugas seseorang Timbalan Naib Canselor hendaklah ditetapkan oleh Naib Canselor atau oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan.

(3) Jika bagi sesuatu tempoh yang lama Naib Canselor tidak dapat menjalankan mana-mana daripada tugas jawatannya oleh sebab sakit, cuti atau sebab-sebab lain, susunan-susunan yang berikut hendaklah dipakai :

- (a) jika Naib Canselor itu dilantik atas nama jawatan, orang yang memangku atau menjalankan tugas-tugas jawatan itu hendaklah dianggap sebagai memangku jawatan Naib Canselor ;
- (b) jika Naib Canselor itu dilantik atas nama peribadi, maka Timbalan Naib Canselor atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor, seorang daripada mereka sebagaimana yang dinamakan oleh Naib Canselor hendaklah menjalankan tugas-tugas itu ; dan jika Timbalan Naib Canselor atau semua Timbalan Naib Canselor (jika lebih daripada seorang) tidak ada atau tidak berkeupayaan, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, setelah berunding dengan Naib Canselor atau Majlis sekiranya rundingan sedemikian

tidak dapat diadakan dengan Naib Canselor oleh kerana apa jua sebab, membuat susunan-susunan sementara sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia mungkin memikirkan patut untuk menjalankan tugas-tugas Naib Canselor.

11. Hendaklah ada seorang Pendaftar dan Setiausaha, seorang Ketua Pegawai Perpustakaan dan seorang Bendahari, siapa hendaklah merupakan pegawai utama sepenuh masa bagi Universiti yang dilantik oleh Majlis dan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan sebagaimana ditetapkan oleh statut.

Pendaftar dan
Setiausaha,
Ketua Pegawai
Perpustakaan,
dan Ben-
dahari.

12. Bagi maksud Perlembagaan ini, Dekan bagi sesebuah Fakulti atau Ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah hendaklah dianggap sebagai pegawai utama Universiti.

Dekan bagi
sesebuah
Fakulti dan
Ketua bagi
sesebuah
Pusat atau
Sekolah.

13. Universiti boleh melantik pegawai-pegawai utama lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

Pegawai-
pegawai
utama lain.

BAHAGIAN III

PIHAK-PIHAK BERKUASA UNIVERSITI

14. (1) Pihak-pihak berkuasa Universiti adalah Majlis, Senat, Lembaga sesebuah Yayasan, Lembaga-lembaga Pemilihan, Lembaga Kebajikan Pelajar, dan badan-badan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut sebagai pihak-pihak berkuasa Universiti.

Pihak-pihak
berkuasa.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, keanggotaan, kuasa-kuasa dan tatacara pihak-pihak berkuasa itu hendaklah ditetapkan oleh statut.

15. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada —

Majlis.

- (a) Naib Canselor siapa hendaklah menjadi Pengerusi ;
- (b) tiga orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atas nasihat Naib Canselor ;
*;
- (c) seorang ahli yang dipilih oleh Senat dari kalangan ahlinya sendiri selain daripada Naib Canselor atau Timbalan-Timbalan Naib Canselor ;
- (d) Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, (atau wakilnya) ;
- (e) Setiausaha Tetap, Kementerian Pelajaran (atau wakilnya) ;
- (f) Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan (atau wakilnya) ;

- (g) Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (atau wakilnya) ;
- (h) Peguam Negara (atau wakilnya) ;
- (i) Pengarah Perjawatan (atau wakilnya) ; dan
- (j) seorang wakil dari Gild Siswazah Universiti Brunei Darussalam yang dipilih dari kalangan ahli-ahlinya sendiri dengan syarat bahawa wakil tersebut bukan seorang kakitangan sepenuh masa Universiti.

(2) Pendaftar dan Setiausaha hendaklah menjadi Setiausaha kepada Majlis.

(3) Pengerusi Majlis hendaklah melantik seorang Timbalan Pengerusi Majlis dari kalangan ahli-ahli Majlis selain daripada wakil Senat, dan semasa ketiadaan Pengerusi dalam mana-mana persidangan maka Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan persidangan itu, dan, jika Timbalan Pengerusi juga tidak hadir, maka ahli lain sebagaimana yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir hendaklah bertugas sebagai Pengerusi Majlis.

(4) Timbalan Pengerusi hendaklah mengosongkan jawatannya apabila ia berhenti daripada menjadi ahli Majlis.

(5) Timbalan Naib Canselor boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis tetapi tidaklah boleh mengundi.

Kuasa-kuasa
Majlis.

16. Majlis hendaklah menjadi badan eksekutif bagi Universiti, dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberi kepada Universiti, kecuali kuasa-kuasa yang diberi oleh Perlembagaan ini atau statut-statut dan peraturan-peraturan kepada sesuatu pihak berkuasa atau badan lain atau kepada seseorang pegawai Universiti :

Dengan syarat bahawa —

- (a) tiada sebarang ketetapan pun boleh diluluskan oleh Majlis berhubung dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Senat melainkan jika Senat telah terlebih dahulu diberi peluang mencatatkan dan menyampaikan pendapatnya atas perkara itu kepada Majlis ; dan
- (b) tiada sesiapa pun dari ahli-ahli Majlis yang merupakan seorang ahli tenaga pengajar (kecuali seorang pegawai utama) boleh mengambil bahagian dalam mesyuarat Majlis apabila Majlis mengadakan perbincangan-perbincangan atau membuat keputusan-keputusan mengenai perlantikan, kenaikan pangkat dan perkara-perkara lain berkaitan dengan perkhidmatan mana-mana ahli tenaga pengajar.

17. (1) Senat hendaklah terdiri daripada :

Senat.

- (a) Naib Canselor siapa hendaklah menjadi Pengerusi ;
- (b) Timbalan Naib Canselor ;
- (c) ketua-ketua yayasan ;
- (d) ketua-ketua jabatan pengajaran ;
- (e) profesor-profesor Universiti tetapi tidak termasuk profesor-profesor pelawat ; dan
- (f) orang-orang lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh statut.

(2) Naib Canselor boleh melantik seorang Timbalan Naib Canselor untuk mewakilinya sebagai Pengerusi di mana-mana mesyuarat Senat jika Naib Canselor tidak dapat menghadiri mesyuarat itu.

(3) Pendaftar dan Setiausaha hendaklah menjadi Setiausaha kepada Senat.

(4) Senat hendaklah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, statut-statut dan peraturan-peraturan, hendaklah berhak mengawal dan memberi arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan penganugerahan ijazah, diploma dan sijil.

(5) Dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawabnya, Senat boleh mewakilkan mana-mana daripada kewajipan-kewajipan, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawabnya itu kepada ahli-ahlinya atau sesebuah jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya.

18. (1) Universiti hendaklah dibahagi kepada beberapa Fakulti, Pusat dan Sekolah dengan namanya masing-masing sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

Fakulti-
Fakulti, Pusat-
Pusat dan
Sekolah-
Sekolah.

(2) Lembaga bagi sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah hendaklah bertanggungjawab kepada Senat bagi penyusunan pengajaran dalam matapelajaran pengajaran di dalam bidang kajian Fakulti, Pusat atau Sekolah itu, mengikut mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh statut atau peraturan.

(3) Keanggotaan bagi Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh statut.

Perlantikan
ketua-ketua
dan timbalan-
timbalan
ketua yayasan
dan ketua-
ketua jabatan
pengajaran.

19. (1) Tertakluk kepada mana-mana statut Majlis hendaklah, atas nasihat Naib Canselor, melantik —
- (a) seorang Dekan bagi setiap buah Fakulti dan, jika perlu sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan ;
 - (b) seorang ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah dan, jika perlu, sekurang-kurangnya seorang timbalan ketua, siapa hendaklah digelar dengan gelaran sebagaimana yang ditetapkan oleh statut atau peraturan ; dan
 - (c) seorang ketua bagi setiap buah jabatan pengajaran jika jabatan-jabatan pengajaran itu ditubuhkan di sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah.
- (2) Dekan bagi sesebuah Fakulti atau ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah hendaklah menjadi pengurus Lembaga Fakulti, Pusat atau Sekolah mengikut mana yang berkenaan.
- (3) Dekan bagi sesebuah Fakulti atau ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah atau ketua bagi sesebuah jabatan pengajaran hendaklah bertanggungjawab bagi penyusunan pengajaran kursus-kursus atau matapelajaran-matapelajaran di bawah bidang kajian Fakulti, Pusat, Sekolah atau jabatan pengajaran, mengikut mana yang berkenaan, dan hendaklah menjalankan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh statut atau peraturan atau sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Naib Canselor.
- (4) Jika Dekan bagi sesebuah Fakulti atau ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah tidak ada oleh sebab bercuti atau oleh apa jua sebab lain, maka adalah sah disisi undang-undang bagi Timbalan Dekan atau timbalan ketua atau, jika terdapat lebih daripada seorang Timbalan Dekan atau timbalan ketua, mana-mana seorang daripada mereka sebagaimana yang mungkin dinamakan oleh Naib Canselor, untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Dekan Fakulti atau ketua Pusat atau Sekolah itu, mengikut mana yang berkenaan.
- (5) Dekan atau Timbalan Dekan bagi sesebuah Fakulti, atau ketua atau timbalan ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah, atau ketua bagi sesebuah jabatan pengajaran yang dilantik di bawah ceraian (1), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dilantik bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun, tetapi adalah layak untuk dilantik semula.
- (6) Walau apa pun peruntukan ceraian (5), Majlis boleh, atas nasihat Naib Canselor, membatalkan mana-mana perlantikan yang dibuat di bawah bab ini tanpa memberi apa-apa sebab.
- (7) Walau apa pun peruntukan lain dari bab ini, Naib Canselor boleh, sementara menunggu mana-mana perlantikan yang akan dibuat oleh Majlis di bawah ceraian (1), melantik sesiapa juga untuk

menjalankan kewajipan-kewajipan Dekan atau Timbalan Dekan bagi sesebuah Fakulti, atau ketua atau timbalan ketua bagi sesebuah Pusat atau Sekolah, atau ketua bagi sesebuah jabatan pengajaran, mengikut mana yang berkenaan.

20. (1) Sesebuah Lembaga Pemilihan untuk guru-guru hendaklah, tertakluk kepada mana-mana statut, terdiri daripada —

- (a) Naib Canselor siapa hendaklah menjadi Pengerusi ;
- (b) seorang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis ;
- (c) Dekan Fakulti atau ketua Pusat atau Sekolah yang berkenaan ; dan
- (d) seorang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

Lembaga-
Lembaga
Pemilihan un-
tuk guru-guru.

(2) Walau apa pun peruntukan ceraian (1), Naib Canselor boleh melantik Timbalan Naib Canselor untuk menggantikannya sebagai Pengerusi di mana-mana mesyuarat Lembaga Pemilihan yang diadakan bagi mengisi sesuatu jawatan yang bukan jawatan mahaguru ; dan

(3) Penyertaan pakar luar dalam membuat perlantikan boleh ditetapkan oleh statut.

21. Keanggotaan bagi Lembaga-Lembaga Pemilihan untuk jawatan-jawatan selain daripada jawatan guru-guru hendaklah ditetapkan oleh statut.

Lembaga-
Lembaga
Pemilihan un-
tuk jawatan-
jawatan lain.

22. (1) Hendaklah ditubuhkan sebuah Lembaga Kebajikan Pelajar yang mana hendaklah terdiri daripada Timbalan Naib Canselor atau, jika terdapat lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor mananya seorang daripada mereka sebagaimana yang boleh dinamakan oleh Naib Canselor sebagai Pengerusi dan orang-orang lain sebagaimana yang boleh dilantik oleh Naib Canselor.

Lembaga
Kebajikan
Pelajar.

(2) Lembaga Kebajikan Pelajar hendaklah mempunyai kuasa-kuasa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh statut.

23. (1) Tertakluk kepada kelulusan Majlis, adalah sah di sisi undang-undang bagi seramai tidak kurang daripada tiga puluh orang siswazah Universiti untuk membentuk dan menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan Gild Siswazah.

Gild Siswazah.

(2) Gild Siswazah hendaklah dikelola dan ditadbir mengikut perlembagaannya dan aturan-aturan yang dibuat olehnya tetapi tiada suatu pun perlombagaan seperti yang tersebut atau aturan-aturan yang dibuat sedemikian itu atau apa-apa pindaannya boleh berkuatkuasa melainkan dan sehingga kelulusan mengenainya telah diperolehi terlebih dahulu daripada Majlis.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tempoh
jawatan bagi
ahli-ahli pihak
berkuasa.

24. (1) Kecuali sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan ini atau oleh mana-mana statut, tempoh jawatan bagi seseorang yang dipilih atau dilantik untuk menjadi ahli bagi sesuatu pihak berkuasa, selain daripada *ex-officio*, adalah tiga tahun.

Dengan syarat bahawa —

- (a) jika orang itu dipilih atau dilantik oleh kerana ia memegang sesuatu jawatan atau adalah seorang ahli sesuatu pihak berkuasa atau badan yang lain, maka ia hendaklah berhenti daripada menjadi ahli pihak berkuasa itu jika sebelum habis tempoh jawatannya itu ia berhenti daripada memegang jawatan tersebut atau daripada menjadi ahli pihak berkuasa atau badan tersebut ;
- (b) jika orang itu dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi seorang ahli bagi mana-mana pihak berkuasa, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh, jika Baginda memikirkannya patut, membatalkan perlantikan itu pada bila-bila masa dalam tempoh jawatan tersebut ; dan
- (c) seorang yang berhenti apabila habis tempoh jawatannya adalah layak untuk dipilih atau dilantik semula jika ia layak.

(2) Jika seseorang itu menjadi ahli *ex-officio* sesuatu pihak berkuasa, maka seseorang yang dilantik untuk memangku jawatan itu hendaklah seorang ahli *ex-officio* pihak berkuasa itu asalkan ia memangku jawatan itu dan berkelayakan.

(3) Keputusan sesuatu pihak berkuasa adalah sah walaupun ada kekosongan antara ahli-ahlinya.

Keputusan
majoriti dan
Korum untuk
mesyuarat.

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan kepada mana-mana statut atau peraturan, sesuatu persoalan dalam mana-mana mesyuarat mana-mana pihak berkuasa hendaklah diputuskan mengikut undi majoriti ahli-ahli yang hadir.

(2) Pengurus dan tiap-tiap ahli hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan satu undi tiap-tiap seorang, tetapi jika sekiranya bilangan undi sama banyaknya, maka Pengurus adalah mempunyai dan boleh menggunakan undi kedua atau undi pemutus.

(3) Korum bagi mesyuarat mana-mana pihak berkuasa hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh statut atau peraturan-peraturan atau dalam Perintah Tetap pihak berkuasa itu.

BAHAGIAN IV

STATUT-STATUT DAN PERATURAN-PERATURAN

Statut-statut.

26. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, Canselor boleh dari semasa ke semasa membuat statut bagi

Universiti sebagaimana yang mungkin perlu atau patut untuk pentadbiran urusan atau untuk melaksanakan tugas-tugas Universiti.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan makna ceraian (1), statut-statut boleh dibuat untuk menetapkan atau memperuntukkan semua atau mana-mana perkara yang berikut —

- (a) kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pegawai-pegawai Universiti ;
- (b) cara-cara perlantikan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan guru-guru Universiti ;
- (c) penentuan ijazah, diploma dan penghormatan-perhormatan akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti ;
- (d) pengurusan perpustakaan dan pusat-pusat penyelidikan ;
- (e) segala perkara lain yang mana di bawah Perlembagaan ini boleh diatur oleh statut ;
- (f) keanggotaan, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tatacara pihak-pihak berkuasa Universiti ;
- (g) perkara-perkara yang berdampingan dengan atau berbangkit daripada mana-mana perkara yang tersebut di atas ; dan
- (h) segala perkara dalam bidang kuasa Universiti dan yang tidak diperuntukkan di sebaliknya oleh Bahagian ini dari Perlembagaan ini.

27. (1) Cadangan untuk membuat sebarang statut atau pembatalan atau pindaan mana-mana statut, hendaklah disediakan oleh Majlis.

Tatacara bagi membuat, memindah atau membataalkan statut.

(2) Sesuatu cadangan untuk sesuatu statut baharu, atau untuk apa jua pindaan kepada sesuatu statut mengenai mana-mana perkara yang berikut, iaitu —

- (a) keanggotaan, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tatacara-tatacara bagi Senat, Lembaga bagi sesebuah Fakulti, Lembaga bagi sesebuah Pusat atau Sekolah atau Lembaga Kebajikan Pelajar ;
- (b) penentuan ijazah, diploma dan penghormatan-perhormatan akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti ;
- (c) syarat-syarat mengenai tempat tinggal dan kebajikan pelajar-pelajar ;

- (d) pengurusan perpustakaan ; dan
- (e) segala perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut ;

tidak boleh dipersembahkan kepada Canselor sehingga cadangan itu telah dirujukkan kepada Senat dan Senat telah melaporkan pendapatnya mengenai perkara itu kepada Majlis.

Peraturan-
Peraturan.

28. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan statut-statut, peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut —

- (a) asas-asas yang menentukan penganugerahan ijazah, diploma dan penghormatan-penghormatan akademik lain ;
- (b) bilangan dan lingkungan peperiksaan ;
- (c) perlantikan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan pemeriksa dan cara-cara menjalankan peperiksaan ;
- (d) penerimaan masuk pelajar-pelajar ke peperiksaan-peperiksaan dan kursus-kursus ijazah serta diploma Universiti ;
- (e) syarat-syarat mengenai tempat tinggal dan kebajikan pelajar-pelajar ;
- (f) bayaran-bayaran yang akan dikenakan bagi kursus-kursus pengajian, tempat tinggal, memasuki peperiksaan, ijazah-ijazah dan diploma-diploma dan apa jua bayaran lain yang boleh dikenakan oleh Universiti ;
- (g) pengurusan dewan-dewan kuliah dan makmal-makmal ;
- (h) keanggotaan, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan mana-mana Lembaga, jawatankuasa atau badan lain yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perlembagaan ini atau oleh statut ;
- (i) segala perkara yang, menurut Perlembagaan ini atau mana-mana statut, boleh ditetapkan oleh peraturan-peraturan ; dan
- (j) segala perkara dalam bidang kuasa Universiti dan yang tidak diperuntukkan disebaliknya oleh Bahagian ini dari Perlembagaan ini.

Tatacara bagi
membuat,
meminda atau
memansuhkan
peraturan.

29. (1) Majlis boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dari bab ini, membuat, meminda atau memansuhkan mana-mana peraturan.

(2) Rang bagi sebarang peraturan berkenaan dengan apa jua perkara dalam bidang kuasa Senat hendaklah dicadangkan oleh Senat, dan Majlis boleh meluluskan rang tersebut atau merujukkannya kembali kepada Senat dengan pendapat atau cadangan untuk pindaan.

30. (1) Majlis dan Senat masing-masing boleh membuat peraturan-peraturan bagi tatacaranya sendiri.

(2) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan bagi tatacara Lembaga Pemilihan.

Peraturan-
Peraturan un-
tuk tatacara
Majlis dan
Senat.

(3) Senat boleh membuat peraturan-peraturan bagi tatacara Lembaga sesebuah Fakulti, Pusat atau Sekolah, atau mana-mana Lem-
baga atau Jawatankuasa lain tertakluk kepada bidang kuasa Senat.

(4) Senat boleh membuat peraturan-peraturan yang menetapkan kursus-kursus pengajian atau sukanan-sukanan pelajaran atau peperiksaan.

(5) Peraturan-peraturan boleh dibuat oleh sesebuah pihak berkuasa jika pihak berkuasa itu diberi kuasa oleh Perlembagaan ini atau mana-mana statut.

31. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan dari peraturan-peraturan 26, 28 dan 30, statut-statut atau peraturan-peraturan boleh dibuat untuk tatatertib kakitangan dan pelajar-pelajar Universiti.

Peruntukan-
Peruntukan
Tatatertib.

32. (1) Apabila sebarang statut atau peraturan baharu dibuat, dipin-
da atau dimansuhkan tiap-tiap statut atau peraturan, pindaan atau pemansuhan itu hendaklah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan* dan dengan cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

Menyarkan
statut-statut
dan peraturan-
peraturan.

(2) Statut-statut dan peraturan-peraturan Universiti sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa hendaklah disiarkan dalam bentuk buku mengikut selang tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis, dan naskah-naskahnya hendaklah boleh didapati untuk dibeli oleh orang awam dengan harga yang berpatutan.

(3) Tiada sebarang apapun dalam bab ini boleh dipakai terhadap —

- (a) mana-mana peraturan yang mengandungi hanya arahan-arahan kepada pemeriksa-pemeriksa atau penyelia-penyelia peperiksaan, atau butir-butir mengenai kursus-kursus pengajian atau sukanan-sukanan pelajaran atau peperiksaan ;
- (b) mana-mana peraturan yang Majlis tetapkan supaya tidak disiarkan.

- Perlembagaan, ketidaksesuaian statut, dll.
33. Jika sekiranya —
- sebarang statut tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini ; atau
 - sebarang peraturan tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau mana-mana statut ;

maka peruntukan-peruntukan Perlembagaan atau statut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dipakai, dan statut atau peraturan itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah setakat yang tidak selaras itu terbatas.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

- Jawatankuasa Tetap Kewangan.
34. Majlis hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Tetap Kewangan bagi mengatur dan mengawal kewangan Universiti.
- Menyediakan Anggaran dan Tahun Kewangan.
35. (1) Adalah menjadi kewajipan Bendahari untuk menyediakan, setelah berunding dengan Pendaftar dan Setiausaha, anggaran-anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi setiap tahun kewangan bagi pertimbangan Naib Canselor dan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Kewangan.
- (2) Bagi maksud-maksud Bahagian ini dari Perlembagaan ini, tahun kewangan hendaklah tahun kalender atau tempoh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.
- (3) Akaun Universiti hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, diimbangkan bagi tahun kewangan yang lalu dan suatu penyata tahunan atau ringkasan mengenainya hendaklah disediakan mengikut bentuk dan mengandungi maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.
- Anggaran Tahunan.
36. (1) Anggaran-anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti yang lengkap bagi mana-mana tahun kewangan yang diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan sebelum permulaan tahun kewangan itu kepada Menteri Kewangan untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi perkenan Baginda ;
- (2) Satu salinan rang anggaran yang disediakan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk dikemukakan kepada Majlis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat Majlis yang diadakan bagi maksud meluluskan anggaran itu.
- (3) Majlis boleh, menurut budibicaranya, meluluskan, mengubahsuai atau menolak ke semua atau mana-mana butiran yang terdapat di dalam rang anggaran itu atau merujukkan kembali mana-

mana butiran itu kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk pertimbangannya atau menambah apa-apa butiran kepada rang anggaran itu.

37. Majlis boleh dari semasa ke semasa meluluskan anggaran tambahan sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk mana-mana tahun kewangan bagi dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melalui Menteri Kewangan, bagi perkenan Baginda, yang menunjukkan punca-punca, jika ada, dari mana-mana bahagian dari anggaran tambahan itu boleh dibayar.

Anggaran Tambahan.

38. (1) Majlis tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak termasuk dalam mana-mana anggaran yang diluluskan dengan syarat bahawa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan ini, Majlis boleh memindahkan segala atau mana-mana bahagian wang yang diperuntukkan —

Tiada sebarang perbelanjaan boleh dilakukan melainkan jika termasuk dalam Anggaran.

- (a) bagi satu butiran perbelanjaan berulang tahunan kepada satu butiran perbelanjaan tahunan yang lain ;
- (b) bagi satu butiran perbelanjaan modal kepada satu butiran perbelanjaan modal yang lain.

(2) Peruntukan-peruntukan ceraian (1) tidaklah boleh dipakai bagi —

- (a) wang yang didepositkan dengan Universiti oleh sesiapa pun jika, menurut syarat-syarat deposit itu, mana-mana wang itu telah sampai masanya dibayar balik ;
- (b) wang yang dipungut dan dimasukkan ke dalam kumpulanwang-kumpulanwang Universiti secara silap ;
- (c) wang yang kena dibayar oleh Universiti di bawah sebarang hukuman atau perintah mahkamah ;
- (d) wang yang dibelanjakan oleh Universiti bagi pendakwaan atau pembelaan dalam perbicaraan undang-undang ; dan
- (e) perbelanjaan yang berbangkit dari mana-mana harta atau wang yang disebutkan di dalam bab 40.

39. Anggaran-anggaran tahunan dan tambahan hendaklah disediakan mengikut bentuk dan hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

Bentuk Anggaran.

40. (1) Majlis boleh bagi pihak Universiti menerima melalui bantuan, hadiah, pemberian berwasiat atau dengan cara lain, harta dan wang bagi membantu kewangan Universiti mengikut syarat-syarat sebagaimana yang ia boleh tetapkan.

Kuasa Majlis menerima pemberian.

- (2) Bendahari hendaklah menyimpan dan menyenggara daftar bagi semua derma yang diberi kepada Universiti termasuk nama-nama penderma dan sebarang syarat khas dengan yang mana-mana derma itu mungkin telah diberikan.
- Harta yang diberikan bagi maksud-maksud tertentu hendaklah diperkira secara berasingan.
- Bentuk kontrak.
- Dividen dilarang.
- Audit.
- Penerimaan masuk pelajar-pelajar.
- Persatuan Mahasiswa dan Majlis Perwakilan Pelajar.
41. Segala harta, wang atau wang yang diberikan bagi sebarang maksud tertentu hendaklah digunakan dan ditadbirkan mengikut maksud-maksud untuk yang mana ianya telah diberikan dan hendaklah diperkira secara berasingan.
42. Mana-mana kontrak yang melibatkan perbelanjaan oleh Universiti lebih daripada lima ratus ringgit hendaklah dibuat secara bertulis dengan ditandatangani bagi pihak Universiti oleh seorang yang bertindak dengan kuasa Universiti yang nyata atau disifatkan ada ;
- Dengan syarat bahawa mana-mana kontrak (selain daripada sesebuah kontrak yang tersebut di dalam ceraian (2) dari bab 54) yang melibatkan perbelanjaan oleh Universiti lebih daripada sepuluh ribu ringgit, dan mana-mana kontrak yang, jika dibuat antara orang-orang persendirian akan dikehendaki oleh undang-undang persendirian akan dikehendaki oleh undang-undang supaya dimeterai, hendaklah disempurnakan dengan membubuh meterai Universiti pada kontrak itu.
43. Tiada apa-apa dividen atau bonus boleh dibayar dan tiada apa-apa pemberian atau pembahagian wang boleh dibuat oleh atau bagi pihak Universiti kepada atau antara mana-mana ahlinya kecuali sebagai hadiah, ganjaran atau pemberian khas atau sebagai sebahagian daripada syarat-syarat perkhidmatan kakitangan Universiti.
44. (1) Akaun-akaun Universiti hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh juruaudit-juruaudit yang dilantik oleh Majlis.
(2) Akaun-akaun yang telah diaudit, dengan apa-apa pendapat yang dibuat mengenainya oleh juruaudit-juruaudit itu, hendaklah diserahkan kepada Menteri Kewangan.
- BAHAGIAN VI**
PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI
45. Seseorang pelajar tidak boleh diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian di Universiti melainkan jika ia telah memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan untuk kursus pengajian itu.
46. (1) Pelajar-pelajar berdaftar Universiti, selain daripada pelajar-pelajar luar atau pelajar-pelajar bukan ijazah atau pelajar-pelajar diploma lepas ijazah atau pelajar-pelajar ijazah lanjutan, hendaklah menjadi suatu badan yang dikenali sebagai Persatuan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (selepas ini di dalam Perlembagaan ini disebut sebagai "Persatuan Mahasiswa").

(2) Persatuan Mahasiswa, badan-badan penubuhnya dan badan-badan pelajar hendaklah dikelola dan ditadbir menurut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan oleh statut atau peraturan-peraturan atau perlombagaannya masing-masing dengan syarat bahawa tiada sesuatu perlombagaan yang sedemikian pun atau pin-daannya boleh berkuatkuasa melainkan dan sehingga diluluskan oleh Majlis.

(3) Majlis boleh mengenakan dan mengutip yuran sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor dari pelajar-pelajar berdaftar dan mana-mana jenis pelajar bagi manfaat Persatuan Mahasiswa dan badan-badan penubuhnya, dan yuran itu boleh dipakai mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Majlis bagi maksud-maksud persatuan Mahasiswa dan badan-badan penubuhnya.

(4) Bagi maksud bab ini, "pelajar berdaftar" bermakna seorang pelajar yang sedang mengikuti sesuatu kursus sepenuh masa yang membawa kepada ijazah pertama atau diploma bukan diploma lepas ijazah atau sijil Universiti dengan syarat bahawa bagi maksud bab ini seseorang pelajar itu hendaklah berhenti daripada menjadi seorang pelajar berdaftar sekiranya ia telah lulus peperiksaan akhir kursusnya untuk dianugerahi ijazah atau diploma atau sijil tersebut melainkan Naib Canselor membenarkan secara bertulis supaya pelajar itu, jika ia seorang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (kemudian daripada ini disebut "MPP"), boleh terus menjadi pelajar berdaftar dalam bidang makna bab ini sehingga pemilihan MPP yang baru dalam tahun akademik yang berikutnya atau bagi tempoh kurang daripadanya sebagaimana yang Naib Canselor boleh menentukan.

47. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 46, adalah sah disisi undang-undang bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar berdaftar Universiti dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis dan tertakluk kepada syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis, menubuahkan sebuah badan pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti bagi memajukan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu dalam Universiti.

Penubuhan
badan-badan
pelajar lain.

(2) Majlis boleh, atas nasihat Naib Canselor, menghendaki mana-mana badan pelajar sedemikian yang ditubuhkan di bawah bab ini untuk bersekutukan dengan Persatuan Mahasiswa tertakluk kepada syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

48. Jika seseorang pelajar Universiti berkelakuan secara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudarangkan kesentosaan atau nama baik Universiti atau melakukan perbuatan yang menyalahi Perlombagaan atau mana-mana statut atau peraturan Universiti, maka pelajar itu hendaklah dikenakan hukuman tatatertib sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor atau di bawah peraturan-peraturan tatatertib Universiti.

Perbuatan
pelajar yang
melanggar
perlombagaan,
statut atau
peraturan
Universiti.

Perbuatan badan-badan pelajar yang melanggar perlembagaan mereka sendiri dan perlembagaan, statut atau peraturan Universiti.

Penggantungan dan pembuangan seseorang pelajar yang didakwa dengan sesuatu kesalahan jenayah atau terhadap siapa suatu kesalahan jenayah adalah terbukti.

Pihak berkuasa tatatertib mengenai pelajar-pelajar.

49. Jika Persatuan Mahasiswa atau MPP atau sebuah badan pelajar yang ditubuhkan di bawah bab 47 menjalankan urusannya secara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau memudarangkan kesentosaan atau nama baik Universiti atau melakukan perbuatan yang menyalahi Perlembagaan Universiti atau perlembagaannya sendiri atau mana-mana statut atau peraturan Universiti, maka Naib Canselor boleh menggantung dan Majlis boleh, atas nasihat Naib Canselor, membubarkan Persatuan Mahasiswa atau MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana yang berkenaan ; dan tiap-tiap pemegang jawatan MPP atau badan pelajar tersebut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan hukuman tatatertib sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis atau di bawah peraturan-peraturan tatatertib Universiti.

50. (1) Jika seseorang pelajar Universiti didakwa dengan sesuatu kesalahan jenayah, maka dengan itu ia hendaklah serta-merta digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti.

(2) Jika mahkamah mendapati bahawa sesuatu dakwaan atas suatu kesalahan jenayah telah terbukti terhadap seorang pelajar Universiti, maka dengan itu pelajar itu adalah serta-merta terhenti daripada menjadi seorang pelajar Universiti.

(3) Naib Canselor boleh mengikut budibicara mutlaknya, pada bila-bila masa dan dalam sebarang kes tertentu memberi pengecualian kepada seseorang pelajar dari peruntukan ceraian (1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan, tanpa syarat atau dengan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan atau bagi suatu tempoh sebagaimana yang Naib Canselor memikirkannya patut.

51. (1) Pihak berkuasa tatatertib Universiti mengenai tiap-tiap pelajar Universiti adalah Timbalan Naib Canselor atau, jika ada lebih daripada satu orang Timbalan Naib Canselor, mana-mana seorang daripada mereka sebagaimana yang dinamakan oleh Naib Canselor.

(2) Timbalan Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa tatatertib di bawah ceraian (1) boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada sesuatu lembaga yang terdiri daripada kakitangan atau pegawai Universiti atau kepada sesiapa jua kakitangan atau pegawai Universiti dengan syarat bahawa Timbalan Naib Canselor itu adalah mempunyai kuasa untuk mengulangkaji, membatalkan atau mengubah mana-mana keputusan atau kesimpulan lembaga atau kakitangan atau pegawai Universiti yang diwakilkan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan tatatertib tersebut.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

Konvokesyen.

52. (1) Konvokesyen bagi penyampaian ijazah-ijazah hendaklah diadakan tiap-tiap tahun atau seberapa kerap mengikut arahan Canselor, pada tarikh yang diluluskan oleh Canselor.

(2) Semasa ketiadaan Canselor atau Pro-Canselor yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Canselor, maka Naib Canselor hendaklah mempengerusikan sesuatu Konvokesyen.

(3) Tatacara Konvokesyen hendaklah ditetapkan oleh statut.

53. (1) Tertakluk kepada ceraian (4), pihak berkuasa tatatertib Universiti mengenai tiap-tiap kakitangan Universiti adalah Jawatankuasa Tatatertib Universiti yang mana hendaklah terdiri daripada :

(a) dua orang ahli Majlis yang dipilih oleh Majlis, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik oleh Majlis sebagai Pengurus ; dan

(b) Naib Canselor.

Peruntukan-
peruntukan
tatatertib dan
pihak
berkuasa
tatatertib
mengenai
kakitangan
Universiti.

(2) Pada menjalankan tugas-tugas tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib adalah mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukan di bawah mana-mana statut atau peraturan.

(3) Jawatankuasa Tatatertib boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana kakitangan atau pegawai Universiti, atau mana-mana lembaga kakitangan atau pegawai Universiti, mengenai mana-mana kakitangan atau pegawai Universiti yang tertentu atau mengenai mana-mana golongan atau kategori kakitangan atau pegawai Universiti dengan syarat bahawa :

(a) kakitangan atau pegawai Universiti atau lembaga yang diwakilkan dengan tugas-tugas atau kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan demikian hendaklah melaksanakan, menjalankan dan menyempurnakan tugas-tugas atau kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan itu di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang mana hendaklah mempunyai kuasa untuk mengulangkaji, membatalkan atau mengubah mana-mana keputusan atau kesimpulan kakitangan atau pegawai atau lembaga itu ; dan

(b) tiada sebarang pewakilan pun boleh dibuat di bawah ceraian ini untuk membolehkan seseorang kakitangan atau pegawai Universiti menjalankan sebarang kuasa tatatertib atau menjadi seorang ahli sesebuah lembaga yang boleh menjalankan sebarang kuasa tatatertib ke atas seseorang kakitangan atau pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(4) Jawatankuasa Tatatertib tidaklah mempunyai sebarang bidang kuasa mengenai Canselor, Pro-Canselor atau Naib Canselor.

(5) Mana-mana kakitangan Universiti yang tidak puashati dengan keputusan jawatankuasa tata tertib yang tersebut di dalam bab ini boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Majlis Universiti yang boleh memberi apa-apa keputusan mengenainya sebagaimana yang difikirkannya sesuai dan patut.

Perlantikan guru-guru dan pekerja-pekerja.

54. (1) Semua orang yang diambil bekerja atau yang akan diambil bekerja oleh Universiti selain daripada mereka yang tersebut di dalam bab-bab 9 dan 10 hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, dilantik oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap orang yang diambil bekerja oleh Universiti hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dari Perlembagaan ini atau dari mana-mana statut atau peraturan, memegang jawatan mengikut syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis dan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan yang akan ditetapkan sedemikian hendaklah dianggap sebagai termasuk peruntukan —

- (a) berhubung dengan kewajipan-kewajipan mengajar, memeriksa, menyelia dan lain-lain kewajipan yang seumpamanya, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan-peruntukan dari semua statut dan peraturan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa ; dan
- (b) berhubung dengan semua syarat dan ketentuan perkhidmatan yang lain, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan-peruntukan dari semua statut dan peraturan yang berkuatkuasa pada tarikh ia mula bekerja.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh melarang Majlis daripada membuat sesuatu kontrak khas dengan seseorang yang hendak diambil bekerja oleh Universiti jika Majlis berpendapat mustahak berbuat sedemikian.

Semua perlantikan hen-daklah ter-takluk kepada Perintah dan mana-mana undang-undang tambahan di bawahnya.

Kuasa mewakilkan.

55. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan dari bab 54 atau peruntukan-peruntukan lain dari Perlembagaan ini, tiap-tiap orang yang diambil bekerja oleh Universiti, hendaklah memegang jawatan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah dan mana-mana undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya, dan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan pengambilan kerja atau perlantikannya hendaklah dianggap sebagai meliputi peruntukan bagi maksud ini.

56. (1) Jika menurut peruntukan-peruntukan dari Perlembagaan ini atau mana-mana statut atau peraturan, mana-mana pegawai atau badan yang diberi kuasa untuk menjalankan apa jua kuasa atau melaksanakan apa jua kewajipan, maka pegawai atau badan tersebut

boleh dengan suratcara secara bertulis tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini dan kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang ditetapkan di dalam suratcara itu, mewakilkan penggunaan kuasa-kuasa atau perlaksanaan kewajipan-kewajipan tersebut kepada mana-mana badan atau jawatankuasa atau kepada mana-mana orang yang dinyatakan di dalam suratcara itu mengikut nama atau jawatannya.

(2) Sesuatu pewakilan di bawah bab ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pegawai atau badan yang membuat pewakilan itu.

(3) Tiada sebarang pewakilan bagi apa jua kuasa atau kewajipan pun di bawah bab ini boleh menyentuh penggunaan kuasa tersebut atau perlaksanaan kewajipan tersebut oleh pegawai atau badan yang membuat pewakilan itu.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dipakai terhadap mana-mana kuasa bagi membuat atau meluluskan statut atau peraturan.

57. Jika mana-mana ahli sesuatu pihak berkuasa, atau mana-mana siswazah Universiti, atau mana-mana orang yang telah menerima diploma atau kepujian akademik lain daripada Universiti, disabitkan oleh sesebuah mahkamah atau sesuatu kesalahan yang sangat dahsyat sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, atau pada pendapat Majlis, adalah bersalah kerana melakukan perbuatan skandal, maka adalah sah bagi Canselor, atas sokongan tidak kurang daripada dua pertiga dari ke semua ahli Majlis —

Perlucutan
ijazah, dsb.,
atau alasan
salahlaku.

- (a) untuk menyingkirkanya daripada menjadi ahli pihak berkuasa itu ; atau
- (b) untuk melucutkan apa jua ijazah, diploma atau kepujian akademik lain yang telah diberi kepadanya oleh Universiti.

58. Jika berbangkit apa-apa persoalan sama ada seseorang telah dipilih, dilantik, dicalonkan atau dipilih masuk menjadi ahli dengan sempurnanya ataupun berhak menjadi atau terus menjadi ahli bagi mana-mana pihak berkuasa atau badan lain di Universiti maka persoalan itu hendaklah dirujukkan kepada Canselor, yang mana keputusannya mengenai persoalan itu adalah muktamad.

Pertikaian
mengenai
pemilihan
diputuskan
oleh Canselor.

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERALIHAN

59. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (1) dari bab 9, orang yang memegang jawatan Naib Canselor Universiti sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah terus menjadi Naib Canselor Universiti yang ditubuhkan di bawah

Naib Canselor
Pertama.

Perintah ini dengan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan yang sama seperti yang dikenakan kepadanya sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pemegang jawatan Timbalan Naib Canselor yang ada sekarang.

60. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (1) dari bab 10, orang yang memegang atau memangku dalam jawatan Timbalan Naib Canselor sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai telah dilantik ke jawatan atau memangku dalam jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti yang ditubuhkan di bawah Perintah ini, mengikut mana yang berkenaan, dengan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan yang sama seperti yang dikenakan kepada pemegang sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan, dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pemegang jawatan Pendaftar merangkap Bendahari, Ketua Pegawai Perpustakaan atau Bendahari yang ada sekarang.

61. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 11, orang yang memegang jawatan Pendaftar merangkap Bendahari, atau Ketua Pegawai Perpustakaan atau Bendahari sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai masing-masing telah dilantik ke jawatan Pendaftar dan Setiausaha atau Ketua Pegawai Perpustakaan atau Bendahari di bawah Perlembagaan ini dengan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan yang sama seperti yang dikenakan kepadanya sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan.

Dekan-Dekan Fakulti yang ada sekarang.

62. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (1) dari bab 19, seseorang yang telah dilantik sebagai Dekan bagi sesebuah Fakulti sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai telah dilantik di bawah Perlembagaan ini dan hendaklah terus memegang jawatan itu selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh perlantikannya sebagai Dekan melainkan jika ia secara bertulis meletakkan jawatannya lebih awal, atau ia dipecat dari jawatannya lebih awal oleh Majlis atau Lembaga Pengurusan yang tersebut di dalam ceraian (1) dari bab 67.

Pewarisan harta benda, dsb.

63. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini dan mana-mana arahan Majlis, semua harta benda dan aset yang terletak-hak pada Universiti atau mana-mana orang lain bagi pihaknya sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah pada hari itu menjadi hak Universiti yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan ini.

(2) Mana-mana tanah yang sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan terletak hak pada Universiti hendaklah pada hari itu menjadi hak Universiti yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan ini.

Penerusan perjanjian-perjanjian perkhidmatan, dsb.

64. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dari Perlembagaan ini, semua orang yang digaji oleh atau bagi pihak Universiti sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah pada hari itu dianggap sebagai digaji oleh Universiti yang ditubuhkan di bawah Perintah dan Perlembagaan ini, dengan syarat-syarat dan ketentuan-

ketentuan yang sama seperti yang dikenakan kepada mereka sebelum hari itu.

65. (1) Sehingga meterai ditetapkan menurut peruntukan-peruntukan bab 6, sesuatu cap yang mengandungi tulisan "Universiti Brunei Darussalam" boleh digunakan dan hendaklah dianggap bagi maksud-maksud bab tersebut sebagai meterai Universiti.

Peruntukan
peralihan
berhubung
dengan
meterai
Universiti.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (3) dari bab 6, sehingga Majlis ditubuhkan menurut bab 15 tandatangan Naib Canselor semata-mata atas mana-mana suratcara yang mengandungi meterai yang tersebut di dalam ceraian (1) hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan betul dan bahawa meterai itu adalah meterai Universiti yang sah.

66. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 46, Persatuan Mahasiswa dan Majlis Perwakilan Pelajar yang wujud di Universiti sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah pada hari itu dianggap sebagai Persatuan Mahasiswa dan Majlis Perwakilan Pelajar yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan ini.

Peruntukan
peralihan
berhubung
dengan
Persatuan
Mahasiswa
dan Majlis
Perwakilan
Pelajar.

67. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan ceraian (1) dari bab-bab 15 dan 17 yang berkaitan dengan Majlis dan Senat, peruntukan-peruntukan peralihan yang berikut hendaklah dipakai sehingga Majlis dan Senat itu ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah Perlembagaan ini, iaitu —

Peuntukan-
Peruntukan
peralihan
berhubung
dengan Majlis
dan Senat.

- (a) kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Majlis hendaklah dijalankan oleh sebuah Lembaga Pengurusan yang terdiri daripada :
 - (i) Naib Canselor sebagai Pengerusi ;
 - (ii) Timbalan Menteri Pelajaran sebagai Timbalan Pengerusi ;
 - (iii) Peguam Negara (atau wakilnya) ;
 - (iv) Setiausaha Tetap, Kementerian Pelajaran (atau wakilnya) ;
 - (v) Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan (atau wakilnya) ;
 - (vi) Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan (atau wakilnya) ;
 - (vii) Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (atau wakilnya) ;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(viii) Pengarah Perjawatan (atau wakilnya) ;

(ix) seorang ahli yang dipilih oleh Lembaga Akademik dari kalangan ahli-ahlinya sendiri selain daripada Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor ;

(x) orang-orang lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ; dan

(xi) Pendaftar dan Setiausaha sebagai Setiausaha.

(b) Kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Senat hendaklah dijalankan oleh sebuah Lembaga Akademik yang terdiri daripada :

(i) Naib Canselor sebagai Pengerusi ;

(ii) Timbalan Naib Canselor sebagai Timbalan Pengerusi ;

(iii) Penasihat Akademik Universiti ;

(iv) Dekan-Dekan ;

(v) Ketua-ketua bagi jabatan-jabatan pengajaran sesebuah Fakulti ;

(vi) Profesor-profesor Universiti tetapi tidak termasuk profesor pelawat ;

(vii) Ketua Pegawai Perpustakaan ;

(viii) Bendahari ; dan

(ix) Pendaftar dan Setiausaha sebagai Setiausaha.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan ceraian (1), orang-orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas namanya sendiri sebagai ahli Lembaga Pengurusan yang wujud di Universiti sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai telah dilantik di bawah perenggan (a) (x) dari ceraian (1) sebagai ahli Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah bab ini.

Peruntukan-peruntukan
peralihan
berhubung
dengan
Fakulti.

68. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab 18, Fakulti-fakulti yang ada di Universiti sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan hendaklah dianggap sebagai Fakulti-Fakulti yang ditubuhkan di bawah perlombagaan ini.

Diperbuat pada 25 haribulan April, 1988 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dicetak oleh ALI BIN HAJI HASSAN, Pengarah Percetakan, di Jabatan Percetakan Kerajaan,
Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.

Harga B\$5.00